



## SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG **PERATURAN 38(b)**

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian / Jabatan di mana kekosongan jawatan diiklankan sahaja.**

**JURULATIH KESENIAN (D.4 EB.5-6)  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

### **Syarat-Syarat Am:**

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat **di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.**
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas pada bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



**1. JURULATIH KESENIAN  
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN  
D.4 EB.5-6 (\$1,225 - \$1,785 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) *BDTVEC / BTEC* Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (*ND*) atau sebanding dalam bidang Kesenian dan Tarian atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 5 tahun.

2. Berkemahiran dalam rentak tarian tradisional dan moden adalah kelebihan.
3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

**TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Membantu Ketua Jurulatih Kesenian merancang program-program Unit dari semasa ke semasa;
2. Membuat persembahan kebudayaan dalam dan luar negeri;
3. Mengkoreografi tarian-tarian melayu dan kontemporari;
4. Membuat penyelidikan dan menganalisis tarian-tarian Melayu, Asli dan Tradisi Brunei;
5. Membantu menguruskan kebudayaan dari semasa ke semasa;
6. Memberikan bengkel atau latihan tarian-tarian Melayu dan Asli Brunei;
7. Mengikuti latihan-latihan bagi meningkatkan kemahiran dari semasa ke semasa;
8. Menyusun program dan aktiviti Pranidaya sepanjang tahun;
9. Memberikan Laporan Tahunan semua Pranidaya; dan
10. Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.



## **TUGAS TAMBAHAN**

1. Mengikuti Seminar Budaya dan menyertai program ASEAN; dan
2. Dilibatkan dalam jawatankuasa-jawatankuasa yang berkaitan dengan kebudayaan dan kesenian.